# KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

## DOKUMEN STANDARD PRESTASI

## PENDIDIKAN JASMANI

## TAHUN 2

## MASALAH PEMBELAJARAN

## MATLAMAT

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Jasmani Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran terdiri daripada kemahiran asas pergerakan, asas permainan, asas olahraga, asas akuatik, kecergasan, rekreasi dan kesenggangan. Bagi asas permainan dan olahraga hanya akan diajar selepas tahun 4. Kemahiran ini dibina berdasarkan aplikasi disiplin ilmu dalam sains Sukan seperti perkembangan motor, pembelajaran motor, anatomi, fisiologi, biomekanik, kecergasan, sosiologi dan psikologi.

## OBJEKTIF

Kurikulum Pendidikan Jasmani sekolah rendah bertujuan membolehkan murid mencapai standard pembelajaran berikut :

1. Melakukan kemahiran motor asas dengan corak pergerakan sesuai dengan betul.
2. Melakukan kemahiran khusus dengan teknik yang betul.
3. Kecekapan menggabungkan pergerakan dalam melakukan aktiviti.
4. Perlakuan mengembangkan kecekapan dalam pergerakan dan kemahiran motor.
5. Mengembangkan kecekapan semasa menggabungkan pergerakan atau lakuan motor.
6. Menjelaskan prinsip asas biomekanik dalam pergerakan perlakuan motor.
7. Memahami bagaimana meningkatkan kemahiran motor dan pergerakan.
8. Memahami taktik permainan dan menunjuk cara permainan dijalankan.
9. Melibatkan diri dalam aktiviti fizikal secara berkala.
10. Memahami kepentingan melakukan aktiviti fizikal secara berkala.
11. Memahami bagaimana membina jadual kecergasan sendiri.
12. Menunjuk cara kemahiran sosia yang sesuai dalam aktiviti fizikal.
13. Menunjuk cara kemahiran tanggungjawab kendiri yang sesuai dalam aktiviti fizikal.
14. Mengaplikasikan kecergasan berdasarkan lakuan motor melalui aktiviti fizikal dalam kemahiran asas dan khusus.
15. Melakukan aktiviti fizikal dengan riang, bertanggungjawab dan selamat.

| BAND | PERNYATAAN STANDARD |
|---|---|
| 1 | Tahu melakukan pergerakan asas dan perkara asas dalam pendidikan jasmani |
| 2 | Tahu dan faham melakukan kemahiran pergerakan dan aktiviti fizikal |
| 3 | Tahu, faham dan boleh mengembangkan kecekapan dalam kemahiran pergerakan mengikut konsep pergerakan |
| 4 | Tahu, faham dan boleh mengaplikasi pengetahuan dan kebolehan untuk melakukan pergerakan dan aktiviti secara seronok yang meningkatkan kemahiran |

| BAND | PERNYATAAN STANDARD | DESKRIPTOR | EVIDENS |
|---|---|---|---|
| **1**<br><br>**Tahu** | **B1**<br>Tahu melakukan pergerakan asas dan perkara asas dalam pendidikan jasmani | **Pergerakan Asas Lokomotor**<br>**B1 D1**<br>Berkebolehan melakukan pelbagai pergerakan lokomotor asas dengan lakuan yang betul | **B1 D1 E1**<br>Melakukan aktiviti pergerakan lokomotor:<br>• berjalan<br>• berlari<br>• melompat<br>(murid dikira menguasai evidens apabila telah berjaya melakukan 2/3 kemahiran)<br><br>**B1 D1 E2**<br>Melakukan aktiviti pergerakan lokomotor berguling |
| | | **Pergerakan Bukan Lokomotor**<br>**B1 D2**<br>Berkebolehan melakukan pelbagai pergerakan bukan lokomotor asas dengan lakuan yang betul | **B1 D2 E1**<br>Melakukan aktiviti pergerakan bukan lokomotor:<br>i. menggenggam<br>ii. membaling<br>iii. menghayun<br>iv. memusing |
| | | **Kemahiran Manipulasi Alatan**<br>**B1 D3**<br>Berkebolehan melakukan kemahiran manipulasi alatan dengan lakuan yang betul | **B1 D3 E1**<br>Melakukan aktiviti mengimbang badan |

CATATAN:

1. Huruf roman - semua perlu ditafsir
2. *Bullet* - beberapa pilihan perlu ditafsir

| BAND | PERNYATAAN STANDARD | DESKRIPTOR | EVIDENS |
|---|---|---|---|
| | | | **B1 D3 E2**<br>Melakukan aktiviti:<br>• menyambut<br>• menggolek<br>• menendang<br>• melantun<br>• membaling<br>• menangkap<br>(murid dikira menguasai evidens apabila telah berjaya melakukan 4/6 kemahiran) |

CATATAN:

1. Huruf roman - semua perlu ditafsir
2. *Bullet* - beberapa pilihan perlu ditafsir

| BAND | PERNYATAAN STANDARD | DESKRIPTOR | EVIDENS |
|---|---|---|---|
| **2**<br><br>**Tahu dan Faham** | **B2**<br>Tahu dan faham melakukan kemahiran pergerakan dan aktiviti fizikal | **Pergerakan Asas Lokomotor**<br>**B2 D1**<br>Berkebolehan melakukan pelbagai pergerakan lokomotor asas dengan lakuan yang betul<br><br>**Pergerakan Bukan Lokomotor**<br>**B2 D2**<br>Berkebolehan melakukan pelbagai pergerakan bukan lokomotor asas dengan lakuan yang betul<br><br>**Kemahiran Manipulasi Alatan**<br>**B2 D3**<br>Berkebolehan melakukan kemahiran manipulasi alatan dengan lakuan yang betul<br><br>**Pergerakan Asas: Pergerakan Lokomotor dan Bukan Lokomotor**<br>**B2 D4**<br>Memahami dan membezakan pergerakan lokomotor dengan bukan lokomotor | **B2 D1 E1**<br>Melompat pada satu jarak, mendarat dengan dua kaki dengan lutut dan pergelangan kaki difleksi<br><br>**B2 D2 E1**<br>Menggabungkan pelbagai pergerakan bukan lokomotor dalam satu rangkaian pergerakan<br><br>**B2 D3 E1**<br>Menggolek bola pada satu jarak<br><br>**B2 D3 E2**<br>Membaling bola pada satu jarak<br><br>**B2 D4 E1**<br>Mengenal pasti ciri-ciri kelakuan pergerakan lokomotor dan bukan lokomotor |

CATATAN:
1. Huruf roman - semua perlu ditafsir
2. *Bullet* - beberapa pilihan perlu ditafsir

| BAND | PERNYATAAN STANDARD | DESKRIPTOR | EVIDENS |
|---|---|---|---|
| | | **Akuatik Asas:**<br>**Keyakinan dan keselamatan dalam air**<br>**B2 D5**<br>Memahami konsep keyakinan dan keselamatan dalam air<br><br>**Konsep Kecergasan**<br>**B2 D6**<br>Berkebolehan melakukan aktiviti fizikal berpandukan konsep kecergasan<br><br>**Keselamatan dan Pengurusan**<br>**B2 D7**<br>Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan<br><br>**Tanggungjawab Kendiri**<br>**B2 D8**<br>Mempunyai keyakinan dan tanggungjawab kendiri semasa melakukan aktiviti fizikal | **B2 D5 E1**<br>Membina keyakinan diri di air<br><br>**B2 D6 E1**<br>Melakukan aktiviti yang meningkatkan suhu badan dan kadar pernafasan<br><br>**B2 D7 E1**<br>Menyatakan dan membuat persediaan diri sebelum, semasa dan selepas melakukan aktiviti<br><br>**B2 D7 E2**<br>Mengenalpasti alatan yang selamat digunakan<br><br>**B2 D8 E1**<br>Memperlihatkan rasa seronok melakukan aktiviti baru dalam pendidikan jasmani dan menerima cabaran |

CATATAN:

1. Huruf roman - semua perlu ditafsir
2. *Bullet* - beberapa pilihan perlu ditafsir

| BAND | PERNYATAAN STANDARD | DESKRIPTOR | EVIDENS |
|---|---|---|---|
| | | **Interaksi Sosial**<br>**B2 D9**<br>Berkebolehan berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti fizikal<br><br>**Komposisi Badan**<br>**B2 D10**<br>Mengenalpasti komposisi badan | **B2 D9 E1**<br>Berkomunikasi antara murid dengan murid semasa melakukan aktiviti fizikal<br><br>**B2 D10 E1**<br>Mengukur ketinggian dan menimbang berat badan dengan bimbingan guru<br><br>**B2 D10 E2**<br>Merekod pertumbuhan diri dari segi ketinggian dan berat dengan bimbingan guru |

CATATAN:
1. Huruf roman - semua perlu ditafsir
2. *Bullet* - beberapa pilihan perlu ditafsir

| BAND | PERNYATAAN STANDARD | DESKRIPTOR | EVIDENS |
|---|---|---|---|
| **3**<br><br>**Tahu, Faham dan Boleh Buat** | **B3**<br>Tahu, faham dan boleh mengembangkan kecekapan dalam kemahiran pergerakan mengikut konsep pergerakan | **Pergerakan Asas Lokomotor**<br>**B3 D1**<br>Berkebolehan melakukan pelbagai pergerakan lokomotor asas dengan lakuan yang betul<br><br>**Pergerakan Bukan Lokomotor**<br>**B3 D2**<br>Berkebolehan melakukan pelbagai pergerakan bukan lokomotor asas dengan lakuan yang betul<br><br>**Kemahiran Manipulasi Alatan**<br>**B3 D3**<br>Berkebolehan melakukan kemahiran manipulasi alatan dengan lakuan yang betul<br><br>**Pergerakan asas: Pergerakan Lokomotor dan Bukan Lokomotor**<br>**B3 D4**<br>Memahami dan membezakan pergerakan lokomotor dengan bukan lokomotor | **B3 D1 E1**<br>Melompat berterusan tali yang diayun berulang-ulang oleh dua rakan<br><br>**B3 D2 E1**<br>Menggabungkan pelbagai pergerakan lokomotor dan bukan lokomotor dalam satu rangkaian pergerakan<br><br>**B3 D3 E1**<br>Menangkap bola dengan serapan daya<br><br>**B3 D4 E1**<br>Menyatakan postur badan yang betul semasa melakukan pergerakan lokomotor dan bukan lokomotor |

CATATAN:
1. Huruf roman - semua perlu ditafsir
2. *Bullet* - beberapa pilihan perlu ditafsir

| BAND | PERNYATAAN STANDARD | DESKRIPTOR | EVIDENS |
|---|---|---|---|
| | | **Keselamatan dan Pengurusan**<br>**B3 D5**<br>Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan<br><br>**Dinamika Kumpulan**<br>**B3 D6**<br>Berkebolehan membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan tersebut | **B3 D5 E1**<br>Meletakkan alatan di tempat yang selamat semasa dan selepas melakukan aktiviti fizikal<br><br>**B3 D6 E1**<br>Memilih sendiri rakan untuk membentuk kumpulan |

CATATAN:
1. Huruf roman - semua perlu ditafsir
2. *Bullet* - beberapa pilihan perlu ditafsir

| BAND | PERNYATAAN STANDARD | DESKRIPTOR | EVIDENS |
|---|---|---|---|
| **4**<br><br>**Tahu, Faham dan Boleh Buat dengan Beradab** | **B4**<br>Tahu, faham dan boleh mengaplikasi pengetahuan dan kebolehan untuk melakukan pergerakan dan aktiviti secara seronok yang meningkatkan kemahiran | **Pergerakan asas: Pergerakan Lokomotor dan Bukan Lokomotor**<br>**B4 D1**<br>Memahami dan membezakan pergerakan lokomotor dengan bukan lokomotor | **B4 D1 E1**<br>Mengenal pasti kepentingan fleksi dalam pergerakan lokomotor dan bukan lokomotor |
| | | **Akuatik Asas: Keyakinan dan Keselamatan dalam air**<br>**B4 D2**<br>Memahami konsep keyakinan dan keselamatan dalam air | **B4 D2 E1**<br>Mengawal pernafasan dalam air<br><br>**B4 D2 E2**<br>Melakukan apungan dengan teknik yang betul |
| | | **Rekreasi dan Kesenggangan**<br>**B4 D3**<br>Menjana kreativiti dalam aktiviti kesenggangan | **B4 D3 E1**<br>Mengaplikasikan pengetahuan untuk bermain permainan tradisional:<br>• Galah Panjang<br>• Permainan Kabadi<br>• Ketingting<br><br>**B4 D3 E2**<br>Menyenaraikan kemahiran lokomotor dan bukan lokomotor dalam permainan tradisional |

CATATAN:
1. Huruf roman - semua perlu ditafsir
2. *Bullet* - beberapa pilihan perlu ditafsir

| BAND | PERNYATAAN STANDARD | DESKRIPTOR | EVIDENS |
|---|---|---|---|
| | | **Kelenturan**<br>**B4 D4**<br>Berkebolehan melakukan senaman kelenturan dengan betul | **B4 D4 E1**<br>Melakukan aktiviti regangan secara dinamik dan statik pada otot utama dengan lakuan yang betul |
| | | **Tanggungjawab Kendiri**<br>**B4 D5**<br>Mempunyai keyakinan dan tanggungjawab kendiri semasa melakukan aktiviti fizikal | **B4 D5 E1**<br>Menerima cabaran, kemenangan dan kekalahan dalam permainan<br><br>**B4 D5 E2**<br>Melibatkan diri dan mengambil bahagian secara aktif |
| | | **Dinamika Kumpulan**<br>**B4 D6**<br>Berkebolehan membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan tersebut | **B4 D6 E1**<br>Melakukan aktiviti secara berpasangan dan berkumpulan<br><br>**B4 D6 E2**<br>Memperlihatkan rasa seronok melakukan aktiviti dan kerjasama dalam kumpulan |

CATATAN:
1. Huruf roman - semua perlu ditafsir
2. *Bullet* - beberapa pilihan perlu ditafsir